



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN JUMAAT, 14 FEBRUARI 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



14/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>YKN SALUR BANTUAN RM300,000 KEPADA KERAJAAN SARAWAK BANTU PENDUDUK TERJEJAS</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ykn-salur-bantuan-rm300-000-kepada-kerajaan-sarawak-bantu-penduduk-terjejas">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ykn-salur-bantuan-rm300-000-kepada-kerajaan-sarawak-bantu-penduduk-terjejas</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/02/13/ykn-sumbang-rm300000-kepada-sarawak-bantu-mangsa-bencana/">https://www.tvsarawak.my/2025/02/13/ykn-sumbang-rm300000-kepada-sarawak-bantu-mangsa-bencana/</a>	TVSARAWAK.MY	
	<a href="https://dayakdaily.com/sarawak-flood-victims-to-receive-rm1000-aid-soon-relief-funds-top-rm25-million/">https://dayakdaily.com/sarawak-flood-victims-to-receive-rm1000-aid-soon-relief-funds-top-rm25-million/</a>	DAYAKDAILY.COM	
	<a href="https://malaysiatribune.news/2025/02/13/yayasan-kebajikan-negara-sumbang-rm300000-ringankan-beban-mangsa-banjir-di-sarawak/">https://malaysiatribune.news/2025/02/13/yayasan-kebajikan-negara-sumbang-rm300000-ringankan-beban-mangsa-banjir-di-sarawak/</a>	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2392102">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2392102</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/highlights/senarai-berita-highlights/senarai-artikel/ykn-channels-rm300-000-in-aid-to-sarawak-government-to-help-affected-residents">https://berita.rtm.gov.my/highlights/senarai-berita-highlights/senarai-artikel/ykn-channels-rm300-000-in-aid-to-sarawak-government-to-help-affected-residents</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	
	<a href="https://www.theborneopost.com/2025/02/13/uggah-sarawak-to-distribute-rm1000-one-off-flood-aid-to-affected-households-soon/">https://www.theborneopost.com/2025/02/13/uggah-sarawak-to-distribute-rm1000-one-off-flood-aid-to-affected-households-soon/</a>	THEBORNEOPOST.COM	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/13/bantuan-banjir-disalur-dalam-masa-terdekat">https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/13/bantuan-banjir-disalur-dalam-masa-terdekat</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/02/13/privat-e-firms-donate-rm245m-federal-govt-channel-rm128m-for-sarawak-flood-relief-says-uggah/166562">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/02/13/privat-e-firms-donate-rm245m-federal-govt-channel-rm128m-for-sarawak-flood-relief-says-uggah/166562</a>	MALAYMAIL.COM	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/13/floods-sarawak-disaster-management-received-rm245mil-in-contributions">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/13/floods-sarawak-disaster-management-received-rm245mil-in-contributions</a>	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>KANAK-KANAK DISELAMATKAN DALAM OP GLOBAL MULAKAN SESI PERSEKOLAHAN ISNIN DEPAN</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-diselamatkan-dalam-op-global-mulakan-sesi-persekolahan-isnin-depan/">https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-diselamatkan-dalam-op-global-mulakan-sesi-persekolahan-isnin-depan/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://suarasarawak.my/kpwkm-tidak-bertanggungjawab-sedia-pengajaran-spesifik-keagamaan-untuk-kanak-kanak-gisbh/">https://suarasarawak.my/kpwkm-tidak-bertanggungjawab-sedia-pengajaran-spesifik-keagamaan-untuk-kanak-kanak-gisbh/</a>	SUARASARAWAK.MY	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/02/13/kanak-kanak-perempuan-mangsa-dera-tidak-diabai/">https://www.tvsarawak.my/2025/02/13/kanak-kanak-perempuan-mangsa-dera-tidak-diabai/</a>	TVSARAWAK.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



14/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	RM1 BILION DIPERUNTUKKAN PERKASA KOMUNITI		POSITIF
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/02/13/rm1-bilion-diperuntukkan-perkasa-komuniti/">https://www.tvsarawak.my/2025/02/13/rm1-bilion-diperuntukkan-perkasa-komuniti/</a>	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	SARAWAK LAKUKAN PENILAIAN AWAL KEROSAKAN PASCA BANJIR		POSITIF
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/02/13/sarawak-lakukan-penilaian-awal-kerosakan-pasca-banjir/">https://www.tvsarawak.my/2025/02/13/sarawak-lakukan-penilaian-awal-kerosakan-pasca-banjir/</a>	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	MEMUTUSKAN KITARAN KEGANASAN		POSITIF
	<a href="https://www.hmetro.com.my/rencana/2025/02/1186715/memutuskan-kitaran-keganasan">https://www.hmetro.com.my/rencana/2025/02/1186715/memutuskan-kitaran-keganasan</a>	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	KPKM-6: MENYINGKAP REALITI KEHIDUPAN, MEMBANGUN MASA DEPAN BERSAMA		POSITIF
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1360715/kpkm-6-menyingskap-realiti-kehidupan-membangun-masa-depan-bersama">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1360715/kpkm-6-menyingskap-realiti-kehidupan-membangun-masa-depan-bersama</a>	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	BUDAYA VAPE ANCAMAN NEGARA		POSITIF
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/budaya-vape-ancaman-negara">https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/budaya-vape-ancaman-negara</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



14/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	<b>BAKAL PENGANTIN DITUDUH CABUL, MILIKI VIDEO LUCAH</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1186831/bakal-pengantin-dituduh-cabul-miliki-video-lucah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1186831/bakal-pengantin-dituduh-cabul-miliki-video-lucah</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/712432/berita/semasa/bakal-pengantin-didenda-rm7500-cabul-wanita-di-rnr-miliki-video-lucah">https://www.sinarharian.com.my/article/712432/berita/semasa/bakal-pengantin-didenda-rm7500-cabul-wanita-di-rnr-miliki-video-lucah</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/02/13/bakal-pengantin-didenda-selepas-mengaku-salah-cabul-wanita/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/02/13/bakal-pengantin-didenda-selepas-mengaku-salah-cabul-wanita/</a>	FREEMALAYSITODAY.COM	
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/lelaki-didakwa-cabul-miliki-video-lucah/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/lelaki-didakwa-cabul-miliki-video-lucah/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/bakal-pengantin-didenda-rm7500-cabul-kehormatan-wanita-miliki-video-lucah/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/bakal-pengantin-didenda-rm7500-cabul-kehormatan-wanita-miliki-video-lucah/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/13/groom-to-be-fined-rm7500-for-molesting-woman-having-porn-on-mobile-phone">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/02/13/groom-to-be-fined-rm7500-for-molesting-woman-having-porn-on-mobile-phone</a>	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	<b>BOMOH MENGAKU BERSALAH CABUL KANAK-KANAK PEREMPUAN KETIKA RAWATAN</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/bomoh-mengaku-bersalah-cabul-kanak-kanak-perempuan-ketika-rawatan/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/bomoh-mengaku-bersalah-cabul-kanak-kanak-perempuan-ketika-rawatan/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1186880/bomoh-muda-mengaku-cabul-budak-perempuan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1186880/bomoh-muda-mengaku-cabul-budak-perempuan</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/02/13/bomoh-muda-menangis-mengaku-cabul-budak-perempuan/">https://www.kosmo.com.my/2025/02/13/bomoh-muda-menangis-mengaku-cabul-budak-perempuan/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/712493/berita/semasa/bomoh-muda-mengaku-salah-lakukan-amang-seksual">https://www.sinarharian.com.my/article/712493/berita/semasa/bomoh-muda-mengaku-salah-lakukan-amang-seksual</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bomoh-muda-mengaku-salah-lakukan-amang-seksual-508479">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bomoh-muda-mengaku-salah-lakukan-amang-seksual-508479</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2392114">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2392114</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=ol82jURQrB0">https://www.youtube.com/watch?v=ol82jURQrB0</a>	YOUTUBE	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/02/13/bomoh-muda-mengaku-salah-cabul-kanak-kanak/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/02/13/bomoh-muda-mengaku-salah-cabul-kanak-kanak/</a>	FREEMALAYSITODAY.COM	
	<a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2025/02/bomoh-menangis-di-kandang-tertuduh-mengaku-cabul-kanak-kanak/">https://www.utusan.com.my/terkini/2025/02/bomoh-menangis-di-kandang-tertuduh-mengaku-cabul-kanak-kanak/</a>	UTUSAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



14/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	PEMBANTU GURU MENGAKU SALAH LAKUKAN AMANG SEKSUAL FIZIKAL TERHADAP ANAK MURID		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1186924/pembantu-guru-mengaku-salah-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-anak">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1186924/pembantu-guru-mengaku-salah-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-anak</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/02/13/guru-tahfiz-dipenjara-10-tahun-30-sebatan-lakukan-amang-seksual-pelajarnya/">https://malaysiagazette.com/2025/02/13/guru-tahfiz-dipenjara-10-tahun-30-sebatan-lakukan-amang-seksual-pelajarnya/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=goXTtIBz3Vk">https://www.youtube.com/watch?v=goXTtIBz3Vk</a>	YOUTUBE	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/02/1174559/tahfiz-aide-jailed-caned-molesting-male-student">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/02/1174559/tahfiz-aide-jailed-caned-molesting-male-student</a>	NST.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : UGGAH: SARAWAK TO DISTRIBUTE RM1,000 ONE-OFF FLOOD AID TO AFFECTED HOUSEHOLD SOON

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 14 FEB 2025

M/SURAT : 01

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

## Uggah: Sarawak to distribute RM1,000 one-off flood aid to affected households soon

Agnes Tugong

**KUCHING:** The RM1,000 one-off flood relief assistance for each household affected by the recent floods in Sarawak will be distributed soon, said Deputy Premier Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

The Sarawak Disaster Management Committee (SDMC) chairman said the allocation for the aid is already available, pending confirmation of the recipient list.

"We have agreed to provide RM1,000 to each household affected by the floods, and this assistance will be distributed through SDMC at the divisional and district levels.

There are 4,966 affected households, with a total of 16,700 victims placed in 86 temporary evacuation centres, including landslide and fire victims," he said.

Uggah was speaking to reporters after receiving a RM300,000 donation cheque from the National Welfare Foundation (YKN) to the Sarawak government at Wisma Bapa Malaysia here yesterday.

Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri, who is also YKN chairperson, handed over the cheque to Uggah.

Expressing gratitude to YKN for the contribution, the Deputy Premier highlighted that Sarawak had also received RM12.8 million from the federal government to assist flood



Nancy hands over the mock cheque to Uggah. — Photo by Mohd Faisal Ahmad

victims.

Additionally, the Sarawak government has allocated RM10 million for the same purpose as announced previously by Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg, he said.

He said Sarawak had also received contributions from Petroleum Sarawak Berhad (Petros) worth RM2 million, Bumiputera Contractors Association of Malaysia

(RM50,000), and MBSB Bank Berhad (RM100,000).

"We thank all parties who have contributed to SDMC, enabling us to assist the flood victims, repair damaged infrastructures, and more," he said.

Uggah added that SDMC is currently assessing damages to infrastructure, including clinics, schools, hospitals, and roads.

The findings would be presented at the state Cabinet

meeting next week and forwarded to the Prime Minister's Office and the National Disaster Management Agency (Nadma) for further action.

Meanwhile, Nancy said YKN would also be heading to Sabah next week to provide similar assistance to flood victims there.

"We deeply sympathise with what Sarawak is facing, and that is why we at YKN believe that this is the best way to help," she said.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BANTUAN BANJIR DISALUR DALAM MASA TERDEKAT: UGGAH

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 14 FEB 2025

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Bantuan banjir disalur dalam masa terdekat: Uggah

Peruntukan bagi bantuan RM1,000 kepada setiap KIR sudah ada, masih menunggu pengesahan senarai penerima

Oleh Agnes Tugong

**KUCHING:** Bantuan banjir RM1,000 kepada setiap ketua isirumah (KIR) terjejas banjir di Sarawak akan disalurkan dalam masa terdekat.

Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata peruntukan bagi bantuan tersebut sudah ada dan kini masih menunggu pengesahan senarai penerima.

“Kita telah bersetuju untuk memberikan RM1,000 kepada setiap KIR yang terjejas banjir dan bantuan ini akan disalurkan menerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) di peringkat bahagian dan daerah.

“Jumlah KIR yang terjejas kita ada 4,966 KIR dengan jumlah mangsa seramai 16,700 orang yang ditempatkan di 86 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) termasuk bagi mangsa tanah runtuh dan kebakaran,”

katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima cek sumbangan bernilai RM300,000 daripada Yayasan Kebajikan Negara kepada Kerajaan Sarawak di Aras 1, Wisma Bapa Malaysia di sini semalam.

Cek sumbangan disampaikan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Yayasan Kebajikan Negara Dato Sri Nancy Shukri kepada Uggah yang juga pengerusi JPBNS.

Uggah dalam pada itu berterima kasih kepada Yayasan Kebajikan Negara atas sumbangan itu bagi membantu mangsa-mangsa banjir di Sarawak.

Selain Yayasan Kebajikan Negara kata Uggah, Sarawak turut menerima RM12.8 juta daripada kerajaan persekutuan bagi membantu mangsa banjir dan RM10 juta lagi daripada



**TERIMALAH:** Nancy menyerahkan cek sumbangan kepada Uggah. — Gambar Mohd Faizal Ahmad

Kerajaan Sarawak diumumkan Premier.

Manakala Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) katanya menyumbang RM2 juta dan RM50,000 dari-

pada Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia serta RM100,000 daripada MBSB Bank Berhad.

“Kita ucapkan terima kasih kepada pihak yang menyum-

bang kepada JPBNS untuk membolehkan kita membantu mangsa banjir, baik pulih infrastruktur yang rosak dan sebagainya,” katanya.

Uggah juga berkata JPBNS

“Kita telah bersetuju untuk memberikan RM1,000 kepada setiap KIR yang terjejas banjir dan bantuan ini akan disalurkan menerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) di peringkat bahagian dan daerah.”

Datuk Amar Douglas Uggah Embas  
Timbalan Premier Sarawak

kini sedang menilai kerosakan infrastruktur termasuk klinik, sekolah, hospital dan jalan raya untuk dibentangkan pada mesyuarat Kabinet minggu depan.

Penilaian kerosakan itu katanya, juga akan dimajukan kepada Pejabat Perdana Menteri dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi tindakan susulan.

Sementara itu Nancy berkata selain Sarawak, Yayasan Kebajikan Negara juga akan ke Sabah minggu depan bagi tujuan sama, membantu mangsa banjir di negeri itu.

“Kita amat simpati dengan apa yang Sarawak hadapi, maka sebab itu kami di Yayasan Kebajikan Negara rasa ini adalah cara terbaik untuk membantu,” katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## YKN salur bantuan RM300,000 kepada kerajaan Sarawak bantu penduduk terjejas

Nasional - Dicipta: 13 Februari 2025 12:19 PM - Kemas kini: 13 Februari 2025 12:19 PM



Majlis Penyerahan Bantuan Bencana Banjir Sarawak 2025 di Wisma Bapa Malaysia, Kuching

**KUCHING, 13 Februari-** Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menyalurkan sumbangan sebanyak RM300,000 kepada kerajaan Negeri Sarawak bagi membantu penduduk terjejas banjir di negeri itu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi YKN, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata sumbangan tersebut adalah tanda solidariti serta sokongan kepada kerajaan negeri dan penduduk yang terjejas.

Beliau turut mengakui jumlah tersebut tidak mencukupi bagi menampung keperluan keseluruhan, namun penyalurannya melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (SDMC) dapat memastikan pengagihan yang lebih tersusun.

"SDMC tahu apa yang perlu dilakukan walaupun RM300,000 tidak mencukupi, sekurang-kurangnya ia dapat membantu mereka yang memerlukan, khususnya di kawasan yang terjejas seperti Bintulu dan Miri," katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam sidang media selepas Majlis Penyerahan Bantuan Bencana Banjir Sarawak 2025 di Wisma Bapa Malaysia, Kuching.

Dalam sidang media sama, beliau turut mengumumkan bantuan serupa akan disalurkan kepada mangsa banjir di Sabah pada minggu hadapan.

YKN turut mengalu-alukan sumbangan daripada pihak korporat dan individu prihatin bagi memperkukuh usaha membantu mangsa bencana.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Kanak-kanak diselamatkan dalam Op Global mulakan sesi persekolahan Isnin depan

© 13 Februari 2025, 6:16pm



*Semua kanak-kanak itu akan menjalani sesi persekolahan seperti kanak-kanak lain yang berada di bawah jagaan JKM.*

**Oleh: Kadir Edison**

**KUCHING:** Seramai 10 kanak-kanak yang diselamatkan dalam Op Global dan masih di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan menjalani sesi persekolahan bermula Isnin depan.

Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, proses penghantaran kanak-kanak terbabit ke sekolah aliran perdana dilakukan sama seperti kanak-kanak lain di bawah jagaan JKM.

"Jika mereka perlu pergi ke sekolah, maka kita akan hantar kerana kanak-kanak ini tiada bezanya dengan kanak-kanak lain di bawah jagaan kita sekarang.

"Arahan sama turut diberikan kepada penjaga atau orang yang layak dan sesuai (OYLS) untuk menghantar kanak-kanak terlibat ke sekolah, sesuai dengan perintah mahkamah ketika mereka menuntut kanak-kanak itu," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Penyampaian Mock Check Program Sejati Madani di sini.

Terdahulu, Menteri Pendidikan (KPM), Fadhlina Sidek berkata, kanak-kanak yang diselamatkan dalam operasi itu dan sedang menghadapi kes di mahkamah akan mengikuti sesi persekolahan baharu sebaik proses itu selesai.

KPM masih mendapatkan serta mengumpul data terperinci berhubung kanak-kanak berkenaan sebelum sebarang tindakan susulan dilaksanakan.

Sebelum ini, kesemua kanak-kanak itu mengikuti kelas-kelas khas yang dikendalikan KPM di tempat-tempat perlindungan yang ditetapkan telah dihentikan sebentar bagi memberi laluan kepada kes mahkamah yang dihadapi.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri dalam ucapannya menekankan kepentingan penyampaian peruntukan yang efektif bagi memastikan kesejahteraan masyarakat di Parlimen Santubong melalui program Sej@ti MADANI. Foto Lorenzo Isaac (TVS)

## RM1 bilion diperuntukkan perkasas komuniti

By Lorenzo Isaac Ak Anthony #bm, Berita Sarawak February 13, 2025 4:38 PM

KUCHING, 13 Feb: Sejumlah RM1 bilion diperuntukkan kerajaan tahun ini bagi memperkasas komuniti.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri bagaimanapun berkata, masih banyak pihak belum memanfaatkan peruntukan tersebut sepenuhnya.

Menurutnya, geran sehingga RM100,000 disediakan untuk setiap komuniti melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah program Sejahtera Komuniti MADANI.

"Di Sarawak, pelaksanaan program ini diperkasakan melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang berdaftar serta memiliki Sijil Perakuan Pendaftaran JKKK. Pada tahun lalu sahaja, sebanyak RM100 juta diperuntukkan untuk memperkasas JKKK di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Simbolik Penyerahan Replika Cek Program Sejahtera Komuniti MADANI di sini, hari ini.

Peruntukan berjumlah RM1,924,758 disalurkan kepada Parlimen Santubong yang melibatkan DUN Pantai Damai dan Demak Laut melalui program Sej@ti MADANI.

Sementara itu, Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong menjelaskan, sebanyak 1,024 JKKK menerima manfaat dengan 1,024 program diluluskan berdasarkan permohonan diterima menerusi peruntukan tersebut.

Program tersebut memberi tumpuan kepada lima sektor utama yang berpotensi memacu ekonomi komuniti iaitu sektor pertanian dan makanan, jahitan dan kraf tangan, herba dan kesihatan, pelancongan dan hospitaliti serta aktiviti hijau dan kitar semula.

Sebagai contoh menurutnya, di kawasan DUN Pantai Damai yang mempunyai 45 JKKK, hanya 13 permohonan mendapat kelulusan daripada 11 JKKK yang memohon.

Setakat ini, terdapat dua permohonan baharu namun masih banyak JKKK yang belum mengemukakan permohonan.

"Saya ingin menyeru agar pihak JKKK yang menerima dana ini memanfaatkannya dengan sebaik mungkin. Gunakan peluang ini untuk menjana ekonomi komuniti dan memacu aktiviti yang selaras dengan hasrat Kerajaan MADANI. Kejayaan program ini bukan sahaja bergantung kepada dana tetapi juga kepada usaha bersama kita semua," ujarnya.

Nancy turut mengingatkan permohonan masih dibuka dan boleh dibuat secara atas talian melalui Sistem MySejaTI MADANI di laman sesawang sejatimadani.icu.gov.my.

"Kita mempunyai pelbagai saluran untuk memastikan bantuan sampai kepada mereka yang memerlukan. Jangan biarkan peluang ini terlepas kerana setiap peruntukan yang diberikan bertujuan membantu rakyat meningkatkan taraf hidup mereka," jelasnya. – TVS

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata hasil penilaian itu akan dibawa ke Mesyuarat Kabinet Sarawak. Foto: Nadim Bokhari (TVS)

## Sarawak lakukan penilaian awal kerosakan pasca banjir

By *Muqri Aziz* #bm, Berita Sarawak February 13, 2025 12:53 PM

KUCHING, 13 Feb: Kerajaan Sarawak sedang giat menjalankan penilaian awal terhadap kerosakan akibat banjir yang melanda wilayah ini dengan senarai awal telah dikenal pasti bagi tindakan lanjut.

Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, hasil penilaian itu akan dibawa ke Mesyuarat Kabinet Sarawak sebelum dimajukan kepada Pejabat Perdana Menteri (PMO) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

"Kerajaan Sarawak sedang menilai kerosakan akibat banjir dengan laporan awal akan dibentangkan dalam Mesyuarat Kabinet minggu depan.

"Kita juga akan membawa perkara ini kepada PMO dan NADMA bagi memaklumkan tahap kerosakan akibat banjir," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menerima cek cura berjumlah RM300,000 daripada Yayasan Kebajikan Negara (YKN) yang diketuai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri di Wisma Bapa Malaysia hari ini.

Menurutnya, kerosakan yang dikenal pasti merangkumi pembersihan sekolah, rumah penduduk, hospital serta klinik kerajaan dan swasta.

Selain itu, jalan raya yang terputus serta kemudahan awam lain turut mengalami kerosakan serius.

Dalam pada itu, Uggah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) turut memaklumkan sebanyak lapan pusat pemindahan sementara (PPS) masih beroperasi setakat awal pagi tadi yang menempatkan 229 ketua isi rumah (KIR) dengan seramai 677 mangsa.

"Sejak awal banjir, kita telah membuka 86 PPS, termasuk beberapa PPS bagi mangsa tanah runtuh dan kebakaran. Secara keseluruhannya terdapat 4,966 KIR yang terjejas, melibatkan 16,700 mangsa.

"Kini, kebanyakan PPS telah ditutup dan mangsa pulang ke rumah masing-masing," ujarnya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam operasi pembersihan pasca banjir terutamanya di Bintulu yang mengalami kesan paling teruk akibat bencana ini. – TVS


# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Memutuskan kitaran keganasan

Prof Madya Dr Azmawaty Mohamad Nor & Siti Nurmaliya Zakaria



GAMBAR Hiasan

Baru-baru ini, kita digemparkan dengan satu insiden apabila seorang orang kurang upaya (OKU) dimalukan, ditendang di bahagian kepala dan dilemparkan mri goreng di khalayak ramai.

Persoalan yang mungkin bermain di minda kita semua adalah di mana akhlak, budi bahasa, belas dan empati mereka yang terbabit dalam mencemuh, mengaib dan memalukan individu itu?

Walaupun individu berkenaan mungkin hilang percaturan pada awalnya, namun adakah tendangan, cacian dan penghinaan itu mencerminkan nilai-nilai yang ingin diterapkan dalam jiwa? Di mana nilai-nilai murni dan adab dalam perlakuan itu? Sikap yang ditunjukkan ini kemungkinan besar berpunca daripada emosi panas baran dan mudah hilang kawalan dalam sesuatu tindakan.

Panas baran merujuk kepada sikap seseorang yang mudah marah dan melenting. Individu yang panas baran sering melafkan tutur kata yang kasar dan menunjukkan tingkah laku agresif.

Setiap hari masyarakat dihidangkan dengan laporan berita yang berpunca daripada panas baran. Istilah 'darah panas' atau panas baran ini merujuk kepada ketidakupayaan mengawal emosi semasa marah.

Individu sebegini sangat sensitif, baru dicuit bahu sudah hendak marah, baru bercakap sedikit sudah menarik muka. Walaupun ada yang tidak mengekspresikan kemarahan mereka melalui teriakan atau makian, namun reaksi mereka jelas menunjukkan sifat seorang yang pemarah.

Kemarahan ini juga sering diluahkan dalam bentuk perlakuan kasar atau cacian terhadap orang lain.

Selain kes OKU berkenaan, pernah juga berlaku satu kejadian di mana seorang penganggur mencederakan isterinya dengan sebilah pisau. Kejadian itu berpunca daripada sikap suka melenting dan 'haik tangan' terhadap pasangan.

Berdasarkan pemerhatian, sebenarnya banyak kes kehancuran rumah tangga berpunca daripada sikap panas baran, malah ada kes tragis yang turut berakhir dengan kematian.

Akar permasalahan sikap agresif dan panas baran ini sering berkait dengan kesihatan mental yang tidak stabil. Kesukaran mengawal emosi dan tekanan hidup boleh mencetuskan tingkah laku agresif yang merugikan diri sendiri dan memberi kesan kepada ahli keluarga serta masyarakat sekeliling.

Perlakuan panas baran ini juga boleh diwarisi melalui pembelajaran sosial - anak-anak yang membesar dalam keluarga yang panas baran cenderung meniru perlakuan ini, yang dalam teori tingkah laku dipanggil *modeling*.

Walaupun pada mulanya mereka berasa takut, lama-kelamaan mereka menjadi terikut-ikut. Ini menghasilkan kitaran keganasan atau *vicious cycle*, di mana percubaan menyelesaikan satu masalah mewujudkan masalah baharu yang membawa kita kembali kepada situasi asal.

Dalam menangani permasalahan ini, pendekatan holistik amat diperlukan. Intervensi psikologi, sokongan kesihatan mental dan bantuan daripada kaunselor atau pakar profesional adalah sangat penting.

Usaha pencegahan juga memainkan peranan utama dalam memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai keperibadian diri dan tahap kesihatan mental.

Justeru, teknik 3R boleh menjadi panduan yang berkesan. Teknik 3R (*retract, rethink dan respond*) sebenarnya mampu membantu mengawal perasaan dengan lebih baik. *Retract* bermaksud berundur seketika daripada punca kemarahan, memberi ruang untuk mendapatkan jarak emosi dan mengelakkan tindakan impulsif.

*Rethink* pula bermakna berfikir semula tentang isu sebenar dan mencari penyelesaian yang efektif. Akhir sekali, *respond* merujuk kepada gaya bertindak yang lebih waras dan terkawal.

Malah, prinsip 90-10 juga boleh diamalkan, di mana 90 peratus adalah keadaan yang boleh dikawal, manakala 10 peratus adalah di luar kawalan kita. Kita perlu mendidik diri untuk sentiasa berfikir positif.

Sebelum bertindak, pertimbangkanlah sama ada perkara itu berada dalam kawalan kita atau tidak.

Dalam kes OKU itu, jika ia di luar kawalan, ia tergolong dalam 10 peratus perkara yang tidak boleh dikawal. Lebih baik bermuhasabah diri dan memahami punca sebelum bertindak melulu.

Justeru, lawan kepada sifat panas baran adalah penyayang. Oleh itu, amat penting untuk kita memupuk kelembutan dan kasih sayang dalam diri.

Dalam ajaran Islam, "Apabila salah seorang daripada kamu marah dan ketika itu ia dalam keadaan berdiri, maka hendaklah ia duduk. Kerana hal itu akan menghilangkan marahnya. Dan kalau tidak, maka hendaklah ia berbaring." (Hadis Riwayat Muslim)

Justeru, saranan langkah holistik ini dapat mengatasi sikap panas baran yang melampau, sekali gus memutuskan kitaran keganasan yang boleh membahayakan generasi akan datang.

**Penulis Dr Azmawaty adalah Timbalan Dekan Ijazah Dasar, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM) dan Ahli Lembaga Kaunselor Malaysia; manakala Siti Nurmaliya Zakaria, calon pascasiswazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM)**

Disiarkan pada: Februari 13, 2025 @ 6:30am

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## KPKM-6: Menyingkap realiti kehidupan, membangun masa depan bersama

Nur Athirah Mohd Taufek · Februari 13, 2025 @ 9:34am



Penemu bual bersama penghuni isi rumah terpilih ketika kerja lapangan.

KUALA LUMPUR: Tempoh pelaksanaan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Keenam (KPKM-6) 2024 dilanjutkan sehingga 30 April 2025 bagi memastikan data yang dikumpulkan lebih tepat, menyeluruh dan relevan bagi menyokong pembangunan dasar negara.

Langkah ini diambil bagi menyediakan waktu tambahan kepada pihak yang terlibat dalam pengumpulan dan analisis data seterusnya memastikan hasil kajian dapat memberikan gambaran lebih jelas mengenai dinamika penduduk dan keluarga di Malaysia.

Kajian yang dilaksanakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) ini telah dilancarkan oleh menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri pada 11 Julai 2024.

Ia bertujuan mengumpulkan maklumat dan data terkini mengenai situasi kependudukan, kekeluargaan, kesihatan reproduktif serta sosio-ekonomi di Malaysia.

Kajian ini melibatkan sebanyak 37,550 kediaman terpilih di seluruh negara.



Ketua Pengarah LPPKN, Abdul Shukur Abdullah.

Ketua Pengarah LPPKN, Abdul Shukur Abdullah berkata, lanjutan tempoh ini bertujuan memberi ruang yang mencukupi kepada responden untuk bekerjasama dan menyalurkan data yang lebih tepat serta lengkap.

"Dengan penambahan tempoh ini, kami dapat memastikan pengumpulan data berjalan lancar dan menyeluruh di semua negeri, melibatkan pelbagai lapisan masyarakat tidak hanya tertumpu di kawasan bandar malah luar bandar."

"Hasil kajian ini akan dijadikan asas kepada pembangunan dasar negara termasuk dasar kependudukan, kesejahteraan institusi kekeluargaan, kesihatan reproduktif serta sokongan sosial bagi seluruh rakyat Malaysia," jelas Abdul Shukur.

Kajian ini turut bertujuan membantu kerajaan membuat keputusan berasaskan bukti mengenai isu-isu penting seperti perancangan keluarga, kesihatan mental, peranan generasi muda dalam pembangunan negara dan kesihatan reproduktif.

Data yang lebih tepat ini juga akan memberikan gambaran lebih jelas mengenai kehidupan keluarga di Malaysia sekali gus menyokong pembangunan dasar yang lebih bersasar.

Sepanjang tempoh kerja lapangan, penemu bual yang dilantik oleh LPPKN dan Ipsos Sdn Bhd akan melawat kediaman terpilih untuk mengumpul data melalui kaedah temu bual bersemuka menggunakan Computer Assisted Personal Interview (CAPI).

Semua maklumat yang diberikan dijamin kerahsiaannya di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010.

Kajian ini menyasarkan lima kategori responden iaitu wanita dan lelaki yang pernah berkahwin, remaja berumur 13-24 tahun, warga emas berumur 60 tahun ke atas dan penduduk bujang berumur 25-59 tahun.

Dengan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, data yang dikumpul akan merangkumi 14 bidang fokus termasuk demografi penduduk, perkahwinan dan perceraian, hubungan kekeluargaan, perancangan keluarga, kesihatan reproduktif, sokongan sosial, kesejahteraan mental dan banyak lagi.

Selain itu, maklumat yang dimasukkan dalam soal selidik KPKM-6 turut mengambil kira keperluan bagi pelaporan indikator dalam Agenda 2030 Matlamat Pembangunan Mampun (SDG).

Secara ringkasnya, dapatan kajian ini mampu menyediakan statistik kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif semasa yang akan memanfaatkan pelbagai pihak termasuk pemegang taruh, kerajaan negeri, badan bukan kerajaan (NGO), penyelidik, ahli akademik dan orang awam.

Dengan tercapainya hasil kajian ini, negara dapat bergerak ke arah agenda meningkat kesejahteraan keluarga dan penduduk melalui pembuatan keputusan berasaskan bukti sejajar dengan keperluan dan perubahan persekitaran.

Kejayaan KPKM-6 sememangnya memerlukan kerjasama semua isi rumah yang disasarkan.

Maklumat yang diberikan mengangkat suara keluarga untuk pembangunan negara seiring dengan tema kajian ini iaitu "Suara Keluarga, Masa Depan Negara".

Selain itu, kemas kini berkaitan kajian juga akan dipaparkan secara berkala di portal rasmi KPKM-6 di [kpk6.lppkn.gov.my](http://kpk6.lppkn.gov.my).

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Budaya vape ancaman negara

Kolumnis - Dicipta: 13 Februari 2025 10:08 AM - Kemas kini: 13 Februari 2025 10:44 AM



Gambar hiasan

### SAUDARA PENGARANG

Isu penggunaan vape yang semakin berleluasa dan membimbangkan dalam kalangan golongan muda wajar diberikan perhatian khusus pada masa kini. Penggunaan vape dalam kalangan remaja dan dewasa muda, tidak kira lelaki atau perempuan, sering disalah anggap sebagai satu alternatif yang lebih sihat berbanding merokok.

Selain itu, ia juga dianggap sebagai sebahagian daripada gaya hidup yang lebih cool dan santai. Ramai remaja dan dewasa muda terjebak dalam penggunaan vape tanpa menyedari kesan mudaratnya terhadap kesihatan diri, kesejahteraan mental, dan kos ekonomi.

Walaupun diketahui bahawa penggunaan vape membawa lebih banyak keburukan berbanding kebaikan, baru-baru ini, Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri memaklumkan bahawa sukar bagi kerajaan untuk mengharamkan vape.

Namun, tumpuan dan penekanan akan diberikan terhadap kawalan penjualan cecair vape atau e-juice yang dicampur dengan bahan terlarang seperti dadah, bukannya penghapusan penjualan vape secara langsung.

Di sebalik isu kawalan ini, terdapat kesan psikologi—meliputi pemikiran, emosi, tingkah laku, dan fisiologi—serta kemudatan kesihatan yang perlu ditangani dengan serius. Justeru, wujud keperluan untuk mempertimbangkan penghapusan vape.

Golongan muda, terutamanya remaja, sering kali melalui pelbagai cabaran dalam transisi antara dunia kanak-kanak dan alam dewasa. Pada fasa ini, mereka mencari keseronokan serta identiti diri dan cenderung untuk dikaitkan dengan kumpulan sosial tertentu.

Mengikut Teori Tingkah Laku Sosial, remaja mudah meniru tingkah laku individu yang rapat dengan mereka, seperti ibu bapa, ahli keluarga, dan rakan-rakan. Remaja akan mula memerhati (attention) tingkah laku orang dewasa, rakan sebaya, atau pempengaruh (influencer). Jika mereka sering terdedah kepada individu yang menghisap vape, mereka cenderung menganggap perbuatan itu sebagai perkara biasa yang boleh diterima (retention).

Situasi ini membimbangkan kerana remaja yang mula menghisap vape akan mudah mempengaruhi rakan sebaya untuk mencuba, seterusnya menjadikannya sebagai satu tabiat. Lebih memburukkan keadaan, penggunaan vape dilihat sebagai satu cara untuk kelihatan lebih cool dan diterima dalam kumpulan sosial.

Jika tidak dikawal atau diharamkan, lebih ramai anak muda akan mencuba vape, yang akhirnya boleh membawa kepada ketagihan berpanjangan. Kesan psikologi ini amat membimbangkan kerana ia hanya memerlukan pemerhatian sebelum seseorang terdorong untuk mencuba. Jika dibiarkan berterusan, ketagihan ini akan menjadi semakin sukar untuk dikawal.

Dari sudut psikologi dan kaunseling, penyalahgunaan vape juga boleh membawa kepada perubahan tingkah laku yang negatif. Sebagai contoh, golongan muda mungkin berasa lebih tenang dan lega selepas menghisap vape kerana mereka percaya ia memberikan ketenangan sementara.

Walau bagaimanapun, penggunaan vape yang berulang boleh membawa kepada ketagihan terhadap nikotin.

Nikotin yang terdapat dalam vape akan merangsang rembesan dopamin, iaitu hormon keseronokan dalam otak, tetapi kesannya hanya bersifat sementara. Lama-kelamaan, individu akan menjadi bergantung sepenuhnya kepada nikotin.

Jika mereka tidak mendapatkan dos nikotin yang mencukupi, mereka boleh mengalami simptom penarikan (withdrawal), seperti keresahan, kemurungan, mudah marah, emosi tidak stabil, dan kesukaran menumpukan perhatian.

Ketagihan ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan fizikal, pemikiran, emosi, dan tingkah laku, tetapi juga memberi tekanan kepada hubungan sosial dengan orang lain.

Dari sudut kesihatan, penggunaan vape dalam jangka panjang boleh menyebabkan masalah kesihatan serius, termasuk EVALI (E-cigarette or Vaping Use-Associated Lung Injury). EVALI adalah keadaan perubatan yang serius di mana paru-paru seseorang mengalami kerosakan akibat bahan kimia yang terkandung dalam e-rokok dan produk vape.

Selain itu, kesihatan mental juga boleh terjejas akibat ketagihan yang berpunca daripada penggunaan bahan kimia, termasuk nikotin dalam e-juice.

Cabaran utama dalam menangani isu ini adalah keperluan untuk mengharamkan penjualan vape, kerana ia bukan sahaja menjejaskan kesihatan fizikal tetapi juga mempengaruhi kesihatan mental, emosi, dan tingkah laku individu.

Lebih membimbangkan, penggunaan vape sering dikaitkan dengan penggunaan dadah. Jika dibiarkan tanpa kawalan, kesannya terhadap generasi muda pada masa hadapan tidak dapat diabaikan.

Golongan muda hari ini adalah aset negara dan bakal pemimpin masa depan. Apakah implikasi jangka panjang kepada negara jika masalah ini tidak ditangani?

Jika Malaysia boleh melaungkan kempen Perangi Dadah dengan slogan "Dadah adalah Musuh Negara", mengapa tidak melancarkan kempen yang sama terhadap vape dan rokok, yang jelas membawa kemudatan besar kepada rakyat?

Dari segi ekonomi, kos faedah terhadap masyarakat akibat penggunaan vape perlu dinilai semula. Apakah hala tuju negara dalam isu ini? Jangan sekadar melepaskan batuk di tangga.

Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Semua pihak—kerajaan, masyarakat, dan individu—perlu memainkan peranan masing-masing untuk menangani isu vape dengan lebih serius, tanpa mencari alasan untuk tidak bertindak.

*Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.*



Prof. Madya Dr. Azmawaty Mohamad Nor  
Timbalan Dekan Ijazah Dasar,  
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya  
Ahli Lembaga Kaunselor Malaysia,  
dan Kaunselor Berdaftar, Lembaga Kaunselor Malaysia.



Nik Rafhan Al Faaizin  
Kaunselor Pelatih di Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling,  
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Bakal pengantin dituduh cabul, miliki video lucah

Ahmad Hasbi  
am@hmetro.com.my



AZRUL Afiq didenda RM7,500 di Mahkamah Majistret, di sini, hari ini atas pertuduhan mencabul kehormatan wanita dan memiliki video lucah. FOTO Ahmad Haebi.

Seremban: Bakal pengantin didenda RM7,500 di Mahkamah Majistret, di sini, hari ini atas pertuduhan mencabul kehormatan wanita dan memiliki video lucah pada Isnin lalu.

Majistret Nurul Saqinah Rosli menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, Azrul Afiq Adzellan Ahmad, 25, yang membuat pengakuan bersalah sebaik kedua-dua pertuduhan dibacakan.

Mahkamah menetapkan Azrul Afiq didenda RM4,000 bagi pertuduhan mencabul kehormatan seorang wanita, jika gagal bayar boleh dipenjarakan tujuh bulan.

Bagi pertuduhan memiliki video lucah, Azrul Afiq didenda RM3,500, jika gagal bayar boleh dipenjarakan enam bulan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didapati melakukan kekerasan jenayah kepada seorang wanita berusia 21 tahun dengan maksud mencabul kehormatannya.

Perbuatan itu dilakukan kira-kira jam 12.15 tengah malam, di dalam sebuah kedai serbaneka Hentian Rehat dan Rawat (RnR) Seremban, Lebuhraya Utara-Selatan (Plus), arah Selatan, di sini, 10 Februari lalu.

Justeru itu, tertuduh didakwa di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum penjara maksimum 10 tahun atau denda atau dengan sebat atau dengan mana-mana dua dari hukuman itu.

Bagi pertuduhan seterusnya, tertuduh didapati dalam milikan mempunyai tiga video lucah dalam telefon bimbitnya jenis iPhone 16 Pro warna hitam.

Kesalahan itu dilakukan kira-kira 5 petang, 10 Februari lalu di lokap Balai Polis Nilai.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 292 Kanun Keseksaan yang boleh didakwa di bawah akta sama, memperuntukkan hukuman penjara boleh sampai tiga tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Nik Nur Aqilah Syarfa Nik Zaidi memohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal terhadap tertuduh.

Peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Ng Yunn Yiing yang mewakili tertuduh memohon hukuman denda paling rendah atas alasan tertuduh bakal melangsungkan perkahwinan pada 25 Februari depan.

"Tertuduh juga menanggung ibu bapa dan tiga adik beradik yang lain. Malah, dia hanya belajar sehingga tingkatan lima dan tiada pekerjaan tetap.

"Kesalahan itu bukan disengajakan dan tertuduh sudah insaf," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : YOUNG BOMOH PLEADS GUILTY TO SEXUALLY ABUSING GIRL

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 14 FEB 2025

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Young bomoh pleads guilty to sexually abusing girl

**CHUKAI:** A young *bomoh* (shaman) pleaded guilty in the Sessions Court here to three counts of sexually assaulting an 11-year-old girl.

Muhammad Adiq Alqbab Zanuddin, 20, claimed trial before judge Wan Suhaila Mohd.

On the first count, Muhammad Adiq Alqbab was charged under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 with committing the offence on the girl in a house in Bandar Seri Bandi near here at about 1am on Jan 31.

He is liable to be jailed for up to 20 years and whipping, if found guilty.

For the second and third counts, he is charged under Section 14(d) of the same law with committing the offence on the same girl in the middle of last month at the same place and time, Bernama reported.

The court allowed him bail of RM4,000 on each count and set March 13 as the date to obtain the facts of the case and social report on the accused before sentencing.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : YOUNG 'BOMOH' PLEADS GUILTY

HARI : JUMAAT

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 14 FEB 2025

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Muhammad Adiq Alqbab Zanuddin has been allowed bail of RM4,000 on each charge while awaiting sentencing on March 13. BERNAMA PIC

## 3 CHARGES

# YOUNG 'BOMOH' PLEADS GUILTY TO SEXUAL ASSAULT ON GIRL

The 20-year-old faces up to 20 years' jail and may be whipped

### CHUKAI

**A** YOUNG 'bomoh' pleaded guilty in the Sessions Court here yesterday to three counts of sexual

assault on an 11-year-old girl.

Muhammad Adiq Alqbab Zanuddin, 20, entered his plea after the three charges were read out separately to him before judge Wan Suhaila Mohd.

On the first count, Adiq Alqbab was charged under Section 14 (a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 with committing the offence on the girl in a house in Bandar Seri Bandi near here at about 1am on Jan 31.

He faces imprisonment of up to 20 years and may be whipped upon conviction.

For the second and third

counts, he was charged under Section 14 (d) of the same Act with committing the offences on the same girl around the middle of last month at the same place.

Wan Suhaila allowed him bail of RM4,000 on each count and set March 13 to obtain the facts of the case and his social report before sentencing. **Bernama**



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : JAIL, CANING FOR CHILD ABUSE AT TAHFIZ SCHOOL

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 14 FEB 2025

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

## Jail, caning for child sex abuse at tahfiz school

By MOHD FARHAAN SHAH  
farhaan@thestar.com.my

**KOTA TINGGI:** An assistant teacher at a tahfiz school in Mersing was sentenced to 10 years in jail and 30 whips of the cane after he admitted to sexually assaulting his student last year.

Mohd Faizal Man, 45, pleaded guilty to all 15 charges involving the 14-year-old boy in front of Sessions judge Hayda Faridzal Abu Hasan here yesterday.

According to the charge sheet, the accused had committed the offences inside a bedroom at a surau within the compound of the tahfiz school in Air Papan Mersing between middle of May, 2022, until Oct 31 last year.

He was charged under Section 14(d) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, read together with Section 16(1) of the same Act, which carries a maximum imprisonment of 20 years and can be subject to whipping and an additional punishment of a maximum imprisonment of five years and a minimum of two whippings, if convicted.

Hayda Faridzal then sentenced the accused to 10 years imprisonment with two whips of the cane for each of the charges against Mohd Faizal.

He ordered that the sentence be served concurrently.

He also ordered the accused to undergo rehabilitation counseling during his imprisonment and to be placed under police supervision for a year after completing his sentence.